

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)16

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

16. Adakah peruntukan kepada wakil rakyat dari pihak pembangkang akan ditambah?
- (a) Mengapakah wakil-wakil rakyat dari pembangkang tidak ditambah peruntukan mereka bahkan peruntukan diberi kepada Penyelaras KADUN yang melebihi dari wakil rakyat pembangkang?
 - (b) Berapakah peruntukan yang diberi kepada wakil rakyat kerajaan, wakil rakyat pihak pembangkang dan Penyelaras KADUN yang dilantik?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

16. Bagi tahun 2024, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM60,000 kepada ADUN Pembangkang dan jumlah tersebut akan dikekalkan bagi tahun 2025.
- (a) Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk menambah peruntukan kepada ADUN Pembangkang, memandangkan Kerajaan Negeri telah melantik Pegawai Penyelaras KADUN di kawasan-kawasan tersebut.

- (b) Bagi tahun 2024, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM500,000 kepada ADUN Kerajaan, RM60,000 kepada ADUN pembangkang dan RM100,000 kepada Pegawai Penyelaras KADUN (PPK).

Di samping itu, segala peruntukan demi manfaat penduduk, tidak kira di kawasan ADUN Kerajaan mahupun ADUN Pembangkang, ianya telah pun diselaraskan secara bersepadu oleh jabatan, agensi serta anak syarikat Kerajaan Negeri yang antara lain diterjemahkan kepada projek dan program di bawah Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau pelaksanaan projek/ program secara langsung oleh Kerajaan Negeri.

Sebagai wakil rakyat, semua ADUN boleh mengetengahkan masalah atau permintaan penduduk di kawasan mereka kepada jabatan dan agensi Kerajaan Negeri yang sentiasa bersedia membantu rakyat dengan mengamalkan dasar, *no wrong door policy*.